

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)

SOALAN :

**YB Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta
PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan terkini Projek
Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1 M).**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri telah melancarkan pembangunan PPA1M pada April 2013 dengan mengumumkan projek pertama PPA1M akan dibangunkan di Putrajaya. Pelaksanaan pembangunan 13,782 unit rumah PPA1M di Putrajaya adalah melalui dua (2) fasa seperti berikut:

i) Fasa Pertama:

Sebanyak sembilan buah (9) projek telah diluluskan untuk pelaksanaan dengan melibatkan 7,872 unit. Daripada jumlah ini, sebanyak tujuh (7) buah projek sedang dalam pelaksanaan. Ini melibatkan 6,672 unit pangsapuri dengan kemajuan di antara 1% hingga 20%. Manakala, dua (2) buah lagi projek yang melibatkan 1,200 unit pangsapuri sedang dalam peringkat kelulusan permohonan kebenaran merancang. Projek-projek di bawah Fasa 1 ini dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2017/2018.

ii) Fasa Kedua:

Sebanyak sembilan (9) buah projek yang melibatkan 5,910 unit projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Daripada jumlah ini, sebanyak tujuh (7) buah projek yang melibatkan 4,911 unit pangsapuri sedang dalam peringkat pemilihan pemaju. Manakala dua (2) buah lagi projek jenis teres berkembar (Semi-D) dan teres yang melibatkan 999 unit akan ditender pada bulan Julai/Ogos 2015. Projek-projek di bawah Fasa Kedua ini dijangka akan siap menjelang tahun 2018/2019.

Selain di Putrajaya, projek PPA1M akan dibangunkan di Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan telah dilancarkan pada 8 April 2015 yang melibatkan pembinaan sebanyak 1,536 unit pangsapuri. Projek ini dijadualkan siap pada bulan Jun 2019.

Projek PPA1M di negeri-negeri termasuk Sabah dan Sarawak sedang dalam pelbagai peringkat perancangan. Di bawah agensi pelaksana sedia ada iaitu Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sebanyak lima (5) buah projek telah diluluskan oleh Jawatankuasa Khas PPA1M iaitu dua (2) buah projek di Kedah dan masing-masing satu (1) buah projek di Sabah, Pahang serta Johor yang kesemuanya melibatkan kira - kira 3,200 unit.

Sekian. Terima kasih.